

Headline	TNB ikat juara bertahan untuk raih mata pertama		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	27 Aug 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	34
Section	Sukan	Journalist	N/A
ArticleSize	274 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 16,395		



**PEMAIN TNB, Nurhizzat Sumantri (tengah) meraikan jaringannya bersama rakan Arif Sabron dalam perlawanan Liga Hoki Malaysia-TNB di Stadium Hoki Kuala Lumpur semalam.**

## TNB ikat juara bertahan untuk raih mata pertama

**KUALA LUMPUR 26 Ogos** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempamerkan peningkatan positif apabila berjaya meraih mata pertama dalam kempen Liga Hoki Malaysia (TNB-MHL 2016) selepas seri 4-4 dengan juara bertahan Pasukan Hoki Terengganu (THT).

Satu mata yang diraih TNB di Stadium Persatuan Hoki Kuala Lumpur hari ini mampu memulihkan semangat pasukan itu selepas gagal meraih mata dalam dua perlawanan pertama

liga sebelum ini.

Pengurus TNB, Datuk Ir. Mohd. Aminuddin Mohd. Amin berpuas hati dengan persembahan dipamerkan pasukan walaupun dua kali gagal mempertahankan kelebihan gol.

“Walaupun kebanyakan pemain kami adalah pemain muda namun mereka memberi cabaran yang baik dan mengikuti arahan jurulatih dengan baik,” katanya.

Nurhizzat Sumantri menjaya

ringkan dua gol untuk TNB menerusi gol padang pada minit ke-24 dan penalti minit ke-53. Dua lagi gol dihasilkan oleh Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan pada minit kedua dan Hafizhuddin Zaidi minit ke-29.

THT pula memperoleh gol menerusi Tengku Ahmad Tajudin Tengku Abd. Jalil pada minit pertama dan 27, pukulan penalti Muhammad Irfan Muhammad Aslam minit ke-31 serta Nicolas Enrique minit ke-56.